

Jangka hayat boleh mencecah sehingga 80.5 tahun

Orang Petaling hidup lebih lama

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PETALING JAYA – Usia penduduk di daerah Petaling, Selangor boleh mencapai sehingga 80.5 tahun dan dijangka menjadi rakyat yang hidup paling lama di Malaysia.

Daerah Petaling meliputi Shah Alam, Subang Jaya, Puchong, Seri Kembangan, Damansara, Petaling Jaya dan Sungai Buloh.

Statistik Jabatan Perangkaan 2023 turut menunjukkan, jangka hayat paling lama adalah penduduk daerah Samarahan, Sarawak (80.2) dan Kalabakan, Sabah (78.9).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, dalam masa sama, daerah Kecil Lojing, Kelantan mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah iaitu 62.8 tahun.

“Secara keseluruhan, 31 dari pada 156 daerah melepassi jangka hayat di peringkat nasional. Jangka hayat ketika lahir tertinggi bagi

lelaki adalah di Petaling, Selangor (78.9 tahun) dan perempuan di Kalabakan, Sabah (82.8 tahun),” katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, seorang bayi yang lahir pada 2023 secara purata dijangka hidup sehingga 74.8 tahun.

“Jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi lelaki dan perempuan mengikut negeri bagi tempoh 2021 hingga 2023 dicatatkan di Selangor, manakala Terengganu mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah dalam tempoh yang sama.

“Terdapat lima negeri yang mempunyai jangkaan hayat melebihi jangkaan hayat paras nasional pada 2021 hingga 2023 iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan dan Sarawak,” katanya.

Mohd. Uzir berkata, jangkaan hayat ketika lahir mencatatkan peningkatan 1.0 tahun pada 2023 berbanding 2022.

Katanya, peningkatan jangkaan hayat ini disebabkan jum-

lah kematian pada tahun 2023 bertambah baik berbanding 2021 dan 2022 yang mana berlakunya lebihan kematian semasa pandemik Covid-19.

Mengulas lanjut beliau berkata, seorang lelaki yang mencapai usia 15 dan 60 tahun pada 2023 masing-masing dijangka hidup selama 58.3 tahun dan 18.3 tahun lagi.

“Ini bermakna, lelaki yang berumur 15 dan 60 tahun pada 2023 masing-masing dijangka hidup sehingga 73.3 tahun dan 68.3 tahun.

“Sebaliknya, wanita dalam kumpulan umur yang sama dijangka hidup selama 63.1 tahun dan 21.1 tahun lagi, menghasilkan jangka hayat masing-masing 78.1 tahun dan 81.1 tahun,” ujarnya.

Katanya, Cina terus mencatatkan jangkaan hayat tertinggi ketika lahir pada 2023 iaitu 77.0 tahun, sebaliknya, jangkaan hayat ketika lahir terendah dicatatkan oleh India 71.4 tahun.



PENDUDUK di daerah Petaling dijangka dapat hidup lebih lama sehingga usia 80.5 tahun. – GAMBAR HIASAN